

PUBLIC OFFICER / PENJAWAT AWAM

Chedet.cc

3 March 2018

Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Kita tinggal di Malaysia. Kita adalah rakyat Malaysia. Samada negara kita bangun dengan pesat dan memberi kebahagiaan hidup kepada kita bergantung kepada kita sebagai warganegara, sebagai citizen.

2. Samada negara mengamal sistem pemerintahan kuku besi atau demokrasi atau "kleptocracy" terpulang kepada kita. Kita yang memilih. Kita yang membenar.

3. Kita lihat di negara lain, di Brazil, di Korea Selatan, di Zimbabwe dan Afrika Selatan rakyat yang menentukan tingkah laku pemimpin. Apabila sahaja didapati pemimpin disyaki menyeleweng, terlibat dengan rasuah rakyat bertindak menyingkirkan pemimpin.

4. A reporter asked me a silly question. He asked whether Najib (Dato' Sri Najib Tun Razak) the Prime Minister of Malaysia is a Public Officer.

5. It is a silly question to ask because any dope would know that the Prime Minister is a public officer. That is why he has access to Government papers, including Cabinet papers, and he can preside over the Cabinet, make decisions for the Government and have his decisions carried out by public officers.

6. A man in the street cannot do this – cannot preside over the Cabinet and instruct Government officers to do whatever. If just about anybody can do this, then either anyone can be classified as a public officer or we cannot have Prime Ministers, Ministers and secretaries to Ministries because everyone can adopt these titles and tell Government officers to do whatever.

7. Najib bin Tun Razak is the Prime Minister of Malaysia and he has his authority over the Government in accordance with the laws of the country. Since the Prime Minister is a public officer, therefore Najib is a public officer.

8. If the Prime Minister is not a public officer then there can be no public officers. The Prime Minister cannot be a private officer. If he is a private officer how come he presides over the Cabinet and have authority over the Government.

9. If we are confused and we are not clear about what and who is a public officer, then we should make a clear definition of a public officer. If we are all agreed then we can call all CEOs of public companies, public officers. Then the Prime Minister will not be a public officer. What should we designate him as – private officer? We can of course. We can pass a law to say a Prime Minister is a private officer.

10. But until we do that the understanding of all sane people is that the Prime Minister is a public officer.

11. Segala-galanya boleh ditentukan oleh kita sebagai warganegara negara ini.

12. Kita boleh buat definisi sesuka hati kita, bahkan menukar kepimpinan Kerajaan seperti yang dilakukan oleh warganegara Brazil, Korea Selatan, Zimbabwe dan Afrika Selatan.

5 thoughts on "PUBLIC OFFICER / PENJAWAT AWAM"

Log in to Reply rimba.emas Mar 3,2018 11:15 PM

Salam Tun.

1. Rimba Emas sendiri pernah keluar masuk bekerja dalam kerajaan mahu pun swasta.

2. Kini bekerja di sebuah syarikat swasta.

3. Punca keluar sesuatu syarikat semuanya bersebab. Gambarannya sama seperti yang di ceritakan dalam drama atau filem.

4. Salah satu punca adalah mempunyai masalah dengan perhubungan antara kakitangan pekerja.

5. Sikap yang tidak di sukai tuhan seperti dengki, menindas, curang, tikam belakang dan berbagai lagi perbuatan buruk sinonim di alam pekerjaan.

6. Sebagaimana juga di ceritakan dalam al-quran sejak kejadian manusia pertama adam a.s yang di ganggu syaitan yang berjaya mempengaruhinya.

7. Manusia yang bernafsu syaitan ini yang melakukan perbuatan buruk atau pandai bermuka-muka ini sentiasa ada dalam mana-mana kejadian.

8. Golongan-golongan yang suka membuat perkara buruk inilah boleh jadi penyebab adanya neraka. Manakala surga di adakan kepada manusia yang berbuat baik.

9. Justeru kita rakyat kena faham Penjawat Awam bukanlah kita pilih untuk membentuk diri kita tetapi untuk berkhidmat pada masyarakat awam.

10. Kita juga kena tanya pada diri kita adakah patut kita membiarkan sahaja perbuatan buruk yang di lakukan pada kita orang yang kita sendiri pilih ?

11. Tepok dada tanya hati ?

Wallahua'lam.

Log in to Reply mattahir Mar 3,2018 10:44 PM

The redelineation exercise abnormality speaks a lot, the head of judiciary could care less, he was appointed by MO1, he sees MO1 as a private office important for him to maintain his position , he is there not for the Constitution or Malaysians.

Log in to Reply musato Mar 3,2018 9:46 AM

Assalamualaikum Tun.

Nampaknya ramai dari Selangor.

Pn Hajar, Pn Sri Sense, Pn HBT.

Kita menceritakan tentang pimpinan kerajaan sekarang dan kerajaan menanti (PH).

Saya bersetuju dengan Pn Hajar tentang mereka yang mengaku berilmu Islam yang moderate kononnya, tetapi liberal seperti kebanyakan dalam pembangkang sekarang.

Saya juga fikir Nurul Izzah berhutang dengan saya kerana seperti biasa cara orang berceramah, mengejek penduduk setempat.

Tapi yang tak bagusnye, dah la datang ke tempat orang, tempat kelahiran saya pula tu, mengejek penduduk setempat dan membangga banggakan Selangor pulak kerana ditadbir pembangkang.

Rasa mahu pergi ke depan dekat mikrofon je dari tempat duduk saya di longkang besar.

Khalid Samad pula menggunakan hadith dan menerangkan sesuatu berkenaan demokrasi yang mana penerangannya saya tidak dapat persetujuan 100%.

Bangga kerana pernah kena ISA kerana berjuang. Baguslah kamu kerana berani katanya.

Masih terdapat lubang lubang yang perlu diperbaiki. Bukan memperbaiki parti mahupun jalan politik. Tetapi memperbaiki dakwah Islamiah di Malaysia keseluruhannya.

Apa apa pun, sokonglah PH. Semoga Allah swt membimbing kita ke jalan yang benar. Kita berusaha, Allah akan tentukan.

Tun Mahathir selalu menceritakan tentang ketakutan.

Ketakutan rakyat, ketakutan Najib.

Tapi jangan beritahu orang ye...sshhhh□□□, dah lama saya dapat alamatnya....tiada apa apa pun akan berlaku. Jadi jangan takut ye....Najib tidak berkuasa.

Manusia tidak boleh mendatangkan mudarat.

Tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Persuruh Allah.

Terima kasih Tun.

Log in to Reply Hajar Mar 3,2018 9:27 AM

Salam Yang Amat DiHormati dan DiSanjung Tun,

1. PM (DSN) memanglah Penjawat Awam (Public Officer). Dana awam digunakan untuk membayar gaji, segala bentuk elaun, dan segala kemudahan yang beliau kecapai sebagai PM.

2. Beliau mewakili parti (Ketua Kerajaan) yang secara langsung dilantik oleh orang awam @ warganegara Malaysia untuk menerajui Malaysia. He is the CEO of Malaysia (a public company...).

3. Amat melucukan bila ada yang kata (percaya) PM bukan Penjawat Awam.

4. Pencen PM nanti siapa yang tanggung? Ini belum lagi segala bentuk keistimewaan yang beliau akan dapat setelah bersara.

5. Mungkin DSN ingat duit rakyat (segala bentuk cukai yang di kutip, hasil negara, pelaburan negara, etc.) ialah duit 'ibu/ bapa / nenek/ moyang) dia yang punya.

6. Sebab itu selamba saja beliau masukkan wang RM2.6 Billion dan wang SRCI sebanyak RM42 Juta (dana awam) ke dalam akaun-akaun peribadi beliau. Beliau kata beliau difitnah, tetapi FITNAH tersebut beliau yang timbulkan kerana kebodohan diri sendiri. Kepada para mufti, silalah nasihati PM tentang salah laku beliau. Isu Neelofa lancarkan tudung di kelab malam bukan main para mufti kecoh, walaupun pada

pandangan saya isu ini kecil saja (boleh dinasihati secara berhemah; saya bukan menyokong tindakan Neelofa).

7. Si PM Kleptokrat ini WAJIB disingkirkan kerana menyusah dan menzalimi rakyat.

8. Peliknya ahli-ahli MT UMNO dan parti2 komponen BN buat 'dek' saja. Mereka ini amat pentingkan diri sendiri. Sikap tamak haloba mereka akan memusnahkan diri.

9. Eloklah mereka semua disingkirkan pada PRU-14 nanti. Saya nekad untuk beri undi Parlimen kepada parti Pembangkang (walaupun saya bukan penyokong Pembangkang). Ini saja cara untuk menyingkirkan manusia seperti Najib Razak dan geng yang telah lupa diri dan lupa akan perjuangan asal UMNO. Kepada ahli2 MT UMNO, anda semua turut bersubahat/berdosa kerana mempertahankan manusia yang amat tidak bermanfaat kepada Malaysia (sebagai PM).

10. DSN must be stopped, and must be punished for being such a bad (and useless/evil □) PM.

Terima kasih Tun.

– Semoga Allah SWT sentiasa merahmati Tun sekeluarga –

Log in to Reply sibotak Mar 3,2018 9:09 AM

Alamak ! Tun punya tulisan pun bercampur Malay / English macam Rojak da

Tapi takpa Tun you my friend

Just be our self

Tu Reporter kena sawan agaknya

Mungkin baru start kerja , kot

Menuju pada Kejayaan ?

Apa erti Kejayaan ?

Well , Kejayaan dinilai atas kehendak masing masing

Ada yg nak beli bulan dan bintang

Ada makan nasi ikan kering sekeluarga pun dah rasa Success , Shukur

Mempunyai masa untuk Keluarga , masa untuk Masyarakat , masa untuk Pencipta , bertedur , pakaian , makanan yg Halal dan sempurna adalah kejayaan pada saya

Jadi tak perlu lah kita nak ikut ikut

Nak ikut kejayaan S'pore , Amerika atau siapa pun

Mereka belum Berjaya lagi , sebab mereka masih mencari Kejayaan

Begitu juga yg mencari kekayaan masih belum kaya

Selagi mereka masih mencari

Yang Kaya biasanya yg duduk di Masjid

Yg tidak khairan akan erti Kekayaan

Inilah perbezaan si Kafir dan si Islam

Perbezaan Dunia Islam dan Dunia Kafir

Yg kurang pada Negara Islam adalah Tidak membangunkan Senjata

Maka si Kafir mengambil kesempatan dan mereka membantu kekayaan dengan cara apa pun . Menipu , Merompak , Membunuh , Menakluki , Memfitnah , Mencuri dan pelbagai Me.....me

Islam juga menyuru kita Bersiap , Bersenjata

Masalah Dunia Islam sekarang dah jadi hal baru nak asar parang

Semua tidak ada persediaan .Lihat di Youtube bagaimana Perjuang Islam hanya menggunakan senjata kontot , berselipar berjuang tanpa kenderaan

Begitu juga kemarin Bandud Malaysia kita Hishamuddin persoalan Jerusalem

Malaysia masih jauh ketinggalan persoalan Ketenteraan

Sebab wang yg ada kebanyakan di salah gunakan oleh Pemimpin yg tidak Betanggung Jawab seperti Najib yg mementingkan Tembolok beliau dari Keperluan Malaysia

Saya sampai hari ini tidak melihat Najib sebagai Pemimpin

Hujungnya kita Berhak mendorong Kejayaan kita pada cara,Budaya dan kehendak kita sendiri . Bukan ikut ikutan macam resmi Ayam makan Dedak

Hujungnya semua ken di Sembelih

Kita adalah kita .We are We

Ayam Jagoh Kampung Dusun Pinang Sebatang

© 2018 Chedet — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2789>